



اونيورسيتي مليسيا قهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

GARIS PANDUAN PENERBITAN ARTIKEL MELIBATKAN KOS PENERBITAN (ARTICLE PROCESSING CHARGE), MUKA HADAPAN (FRONT PAGE) DAN CAPAIAN AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS)

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



www.ump.edu.my

   
UMPMalaysia

**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**

5 STARS
QS RATES FOR EXCELLENCE
2022

801-1000
QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS 2022

#129 ASIA
QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS 2022

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (TUJUAN)

MUKASURAT

1.0 Tujuan

4

BAHAGIAN 2 (TATACARA PERMOHONAN PENERBITAN ARTIKEL MELIBATKAN KOS PENERBITAN (*ARTICLE PROCESSING CHARGE*), MUKA HADAPAN (*FRONT PAGE*) DAN CAPAIAN AKSES TERBUKA (*OPEN ACCESS*) MENGGUNAKAN SUMBER PERUNTUKAN TABUNG PEMBAYARAN JURNAL UNIVERSITI (TPJU) DAN SETARA)

2.1 Syarat Am Permohonan

5

2.2 Pembiayaan

6

2.3 Kaedah Permohonan

7

2.4 Tatacara Permohonan Tuntutan Pembayaran

8

BAHAGIAN 3 (PERMOHONAN PEMBAYARAN PENERBITAN ARTIKEL MELIBATKAN KOS PENERBITAN (*ARTICLE PROCESSING CHARGE*), MUKA HADAPAN (*FRONT PAGE*) DAN CAPAIAN AKSES TERBUKA (*OPEN ACCESS*) MENGGUNAKAN SUMBER PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN AKTIF YANG BERDAFTAR DENGAN UNIVERSITI)

3.1 Syarat Am Permohonan

10

3.2 Pembiayaan

12

3.3 Kaedah Permohonan

12

3.4 Tatacara Permohonan Tuntutan Pembayaran

14

BAHAGIAN 4 (PERMOHONAN PEMBAYARAN PENERBITAN ARTIKEL MELIBATKAN KOS PENERBITAN (*ARTICLE PROCESSING CHARGE*), MUKA HADAPAN (*FRONT PAGE*) DAN CAPAIAN AKSES TERBUKA (*OPEN ACCESS*) MENGGUNAKAN SUMBER PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN PELAJAR PASCA SISWAZAH (*POST GRADUATE RESEARCH SCHEME*))

4.1	Syarat Am Permohonan	16
4.2	Pembiayaan	17
4.3	Kaedah Permohonan	18
4.4	Tatacara Permohonan Tuntutan Pembayaran	19

BAHAGIAN 1 (TUJUAN)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Dokumen Garis Panduan Permohonan Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) Dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) Universiti Malaysia Pahang disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada penyelidik UMP dalam proses dan tatacara permohonan Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) Dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) samada menggunakan sumber peruntukan Tabung Pembayaran Jurnal Universiti atau menggunakan geran penyelidikan yang berdaftar dengan universiti dalam usaha membantu dan menggalakkan penerbitan hasil penyelidikan yang berkualiti dan berimpak dengan lebih berkesan ke arah kecemerlangan universiti.
- 1.2 Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan penerbitan berkualiti, keterlihatan (*visibility*) dan sitasi tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (*proposal*).

BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN PEMBAYARAN PENERBITAN ARTIKEL MELIBATKAN KOS PENERBITAN (*ARTICLE PROCESSING CHARGE*), MUKA HADAPAN (*FRONT PAGE*) DAN CAPAIAN AKSES TERBUKA (*OPEN ACCESS*) MENGGUNAKAN SUMBER PERUNTUKAN TABUNG PEMBAYARAN JURNAL UNIVERSITI (TPJU) DAN SETARA)

2.1. SYARAT AM PERMOHONAN

- 2.1.1 Permohonan dibuka kepada semua staf akademik UMP termasuk yang belum disahkan jawatan atau berstatus kontrak.
- 2.1.2 Pemohon mestilah mempunyai geran penyelidikan aktif yang berdaftar dengan universiti samada sebagai ketua projek atau ahli projek (ahli projek perlu mendapat kebenaran ketua projek).
- 2.1.3 Penggunaan peruntukan TPJU bagi permohonan penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) hanya dibenarkan untuk pembayaran jurnal berindeks WoS (Q1) sahaja.
- 2.1.4 Tajuk penerbitan perlulah berkaitan dengan skop geran penyelidikan yang dipohon di dalam Sistem Conference/Journal Management di E-Community.
- 2.1.5 Ketua projek atau ahli projek penyelidikan mestilah menjadi *corresponding author* bagi penerbitan yang dipohon.
- 2.1.6 Afiliasi pemohon dalam penerbitan mestilah menggunakan afiliasi Universiti Malaysia Pahang.

- 2.1.7 Bilangan penulis bagi penerbitan adalah tidak melebihi lima (5) penulis (penerbitan yang mempunyai bilangan penulis melebihi jumlah yang ditetapkan perlulah mendapat kelulusan khas daripada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi).
- 2.1.8 Penerbitan perlulah menyatakan penghargaan (*acknowledgement*) kepada TPJU dan geran penyelidikan berkaitan. Tatacara penulisan penghargaan adalah berdasarkan kepada garis panduan geran penyelidikan.
- 2.1.9 Permohonan dan kelulusan Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) mestilah dalam tempoh geran penyelidikan aktif pemohon.
- 2.1.10 Pemohon dibenarkan untuk memohon sebanyak satu (1) kali sahaja bagi setiap permohonan Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) menggunakan peruntukan TPJU dalam tempoh satu (1) tahun.

2.2 PEMBIAYAAN

- 2.2.1 Pembiayaan yang diluluskan dengan menggunakan sumber peruntukan TPJU adalah samada bagi tujuan Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) dengan kadar maksimum RM 2, 500.
- 2.2.2 Pembiayaan mengunapakai gabungan peruntukan TPJU dan geran penyelidikan aktif yang berdaftar dengan universiti adalah dibenarkan.

2.3 KAEDAH PERMOHONAN

- 2.3.1 Permohonan perlu dibuat berdasarkan tatacara permohonan yang ditetapkan oleh UMP.
- 2.3.2 Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh jurnal diterbitkan.
- 2.3.3 Permohonan perlulah disahkan oleh Dekan Fakulti/Kolej/Pusat bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah fakulti/kolej/pusat atau Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah pusat kecemerlangan (CoE).
- 2.3.4 Permohonan perlulah lengkap dengan dokumen lampiran seperti berikut:
- a. Surat Penerimaan (*Acceptance Letter*) daripada pihak penerbit jurnal dan mana-mana lampiran berkaitan yang menyatakan nama jurnal bagi penerbitan yang dipohon;
 - b. Bukti jurnal tersebut diindeks dalam pangkalan data WoS (Q1);
 - c. Lampiran jurnal (*off-print*) (muka surat penuh);
 - d. Anggaran kos atau mana-mana lampiran berkaitan yang menyatakan permohonan Kos Penerbitan (Article Processing Charge), Muka Hadapan (Front Page) dan Capaian Akses Terbuka (Open Access);
 - e. Lampiran *Research Summary* IRIMS;
- 2.3.5 Jabatan Penyelidikan & Inovasi berhak untuk tidak memproses permohonan sekiranya permohonan tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas atau dihantar lewat daripada tempoh yang telah ditetapkan.

2.4 TATACARA PERMOHONAN TUNTUTAN PEMBAYARAN

2.4.1 Pemohon perlulah mengemukakan permohonan tuntutan bayaran staf bagi pembayaran Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi dalam tempoh satu (1) bulan selepas artikel diterbitkan.

2.4.2 Pemohon perlu mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap secara salinan keras (*hard copy*) seperti berikut:

- a. Borang Tuntutan Bayaran Staf Bagi Program/Aktiviti Yang Telah Dijalankan;
- b. Surat Kelulusan Pembayaran Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*);
- c. Bukti Artikel Telah Dimuatnaik Di UMP-IR;
- d. Inbois/Resit Rasmi (Salinan Asal) Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) (Nama Pemohon Perlulah Diletakkan Sebagai Penama Resit);
- e. Transaksi Pembayaran Bank

- 2.4.3 Segala dokumen tuntutan perlulah disahkan oleh Dekan Fakulti/Kolej/Pusat bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah fakulti/kolej/pusat atau Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah pusat kecemerlangan (CoE).
- 2.4.4 Pemohon perlu mematuhi segala peraturan dan pekeliling kewangan yang berkuatkuasa di UMP dan berkaitan.

BAHAGIAN 3 (PERMOHONAN PEMBAYARAN PENERBITAN ARTIKEL MELIBATKAN KOS PENERBITAN (ARTICLE PROCESSING CHARGE), MUKA HADAPAN (FRONT PAGE) DAN CAPAIAN AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS) MENGGUNAKAN SUMBER PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN AKTIF YANG BERDAFTAR DENGAN UNIVERSITI

3.1 SYARAT AM PERMOHONAN

- 3.1.1 Permohonan dibuka kepada penyelidik UMP yang berkelayakan berdasarkan garis panduan geran penyelidikan yang berkaitan (penyelidik perlu mendapat kebenaran ketua projek).
- 3.1.2 Permohonan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) adalah perlu memenuhi garis panduan geran penyelidikan pemohon, diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) dan tertakluk kepada kecukupan baki geran penyelidikan. Sekiranya permohonan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) tidak dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan (*proposal*), pemohon perlulah mengemukakan permohonan kepada pemberi dana bagi tujuan kelulusan.
- 3.1.3 Pemohon mestilah mempunyai geran penyelidikan aktif yang berdaftar dengan universiti samada sebagai ketua projek atau ahli projek (penyelidik perlu mendapat kebenaran ketua projek).

- 3.1.4 Penggunaan peruntukan geran penyelidikan aktif yang berdaftar dengan universiti bagi pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) dibenarkan untuk pembayaran jurnal berindeks WoS (Q1/Q2/Q3/Q4) sahaja. (Pembayaran jurnal berindeks Scopus (Q1) adalah dibenarkan namun tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
- 3.1.5 Tajuk penerbitan perlulah berkaitan dengan skop geran penyelidikan yang dipohon di dalam Sistem *Conference/Journal Management* di E-Community.
- 3.1.6 Ketua projek atau ahli projek penyelidikan mestilah menjadi *corresponding author* bagi penerbitan yang dipohon.
- 3.1.7 Afiliasi pemohon dalam penerbitan mestilah menggunakan afiliasi Universiti Malaysia Pahang.
- 3.1.8 Bilangan penulis bagi penerbitan adalah tidak melebihi lima (5) penulis. (Penerbitan yang mempunyai bilangan penulis melebihi jumlah yang ditetapkan perlulah mendapat kelulusan khas daripada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi).
- 3.1.9 Penerbitan perlulah menyatakan penghargaan (*acknowledgement*) kepada geran penyelidikan pemohon. Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu (1) pemberi dana, ketua projek perlu menyatakan pemberi dana geran yang digunakan untuk penghargaan pertama. Tatacara penulisan penghargaan adalah berdasarkan kepada garis panduan geran seperti di lampiran.
- 3.1.10 Permohonan dan kelulusan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) mestilah dalam tempoh geran penyelidikan aktif pemohon.

3.2 PEMBIAYAAN

- 3.2.1 Pembiayaan yang diluluskan dengan menggunakan sumber peruntukan geran penyelidikan aktif yang berdaftar dengan universiti adalah samada bagi tujuan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (*proposal*).
- 3.2.2 Pembiayaan menggunakan gabungan peruntukan TPJU dan geran penyelidikan aktif yang berdaftar dengan universiti adalah dibenarkan.

3.3 KAEDAH PERMOHONAN

- 3.3.1 Permohonan perlu dibuat berdasarkan tatacara permohonan yang ditetapkan oleh UMP.
- 3.3.2 Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh jurnal diterbitkan.
- 3.3.3 Permohonan perlulah disahkan oleh Dekan atau Timbalan Dekan Penyelidikan Fakulti/Kolej/Pusat bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah fakulti/kolej/pusat atau Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah pusat kecemerlangan (CoE).

3.3.4 Permohonan perlulah lengkap dengan dokumen lampiran seperti berikut:

- a. Surat Penerimaan (*Acceptance Letter*) daripada pihak penerbit jurnal dan mana-mana lampiran berkaitan yang menyatakan nama jurnal bagi penerbitan yang dipohon;
- b. Bukti jurnal tersebut diindeks dalam pangkalan data WoS (Q1/Q2/Q3/Q4)/Scopus (Q1);
- c. Lampiran jurnal (*off-print*) (muka surat penuh);
- d. Lampiran bukti peruntukan diluluskan;
- e. Lampiran garis panduan/MoA geran penyelidikan yang membenarkan pembayaran jurnal;
- f. Anggaran kos atau mana-mana lampiran berkaitan yang menyatakan yuran pembayaran jurnal;
- g. Lampiran *Research Summary* IRIMS;

3.3.5 Jabatan Penyelidikan & Inovasi berhak untuk tidak memproses permohonan sekiranya permohonan tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas atau dihantar lewat daripada tempoh yang telah ditetapkan.

3.4 TATACARA PERMOHONAN TUNTUTAN PEMBAYARAN

3.4.1 Pemohon perlulah mengemukakan permohonan tuntutan bayaran staf bagi pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) kepada fakulti/pusat/kolej dalam tempoh satu (1) bulan selepas artikel diterbitkan.

3.4.2 Pemohon perlu mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap secara salinan keras (*hard copy*) seperti berikut:

- a. Borang Tuntutan Bayaran Staf Bagi Program/Aktiviti Yang Telah Dijalankan;
- b. Surat Kelulusan Pembayaran Yuran Penerbitan Article (*Article Processing Fee*), Akses Terbuka (*Open Access*) Dan Muka Hadapan (*Front Page*);
- c. Bukti Artikel Telah Dimuatnaik Di UMP-IR;
- d. Inbois/Resit Rasmi (Salinan Asal) Pembayaran Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) (Nama Pemohon Perlulah Diletakkan Sebagai Penama Resit);
- e. Transaksi Pembayaran Bank

- 3.4.3 Segala dokumen tuntutan perlulah disahkan oleh Dekan Fakulti/Kolej/Pusat bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah fakulti/kolej/pusat atau Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi geran penyelidikan yang didaftarkan di bawah pusat kecemerlangan (CoE).
- 3.4.4 Pemohon perlu mematuhi segala peraturan dan pekeliling kewangan yang berkuatkuasa di UMP dan berkaitan.

BAHAGIAN 4 (PERMOHONAN PEMBAYARAN PENERBITAN ARTIKEL MELIBATKAN KOS PENERBITAN (ARTICLE PROCESSING CHARGE), MUKA HADAPAN (FRONT PAGE) DAN CAPAIAN AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS) MENGGUNAKAN SUMBER PERUNTUKAN GERAN PENYELIDIKAN PELAJAR PASCA SISWAZAH (POST GRADUATE RESEARCH SCHEME))

4.1 SYARAT AM PERMOHONAN

- 4.1.1 Permohonan dibuka kepada pelajar pasca siswazah UMP yang mempunyai Geran Penyelidikan Pelajar Pasca Siswazah (*Post Graduate Research Scheme*) aktif dan mendapat kebenaran ketua projek.
- 4.1.2 Permohonan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) mestilah dibenarkan dalam Garis Panduan Geran Penyelidikan Pelajar Pasca Siswazah (*Post Graduate Research Scheme*), diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan (proposal) dan tertakluk kepada kecukupan baki geran penyelidikan.
- 4.1.3 Penggunaan peruntukan Geran Penyelidikan Pelajar Pasca Siswazah (*Post Graduate Research Scheme*) bagi permohonan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) dibenarkan untuk pembayaran jurnal berindeks WoS (Q1/Q2/Q3/Q4) sahaja. (Pembayaran jurnal berindeks Scopus (Q1) adalah dibenarkan namun tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
- 4.1.4 Tajuk penerbitan perlulah berkaitan dengan skop geran penyelidikan pemohon.

- 4.1.5 Ketua projek penyelidikan mestilah menjadi *corresponding author* bagi penerbitan yang dipohon.
- 4.1.6 Afiliasi pemohon dalam penerbitan mestilah menggunakan afiliasi Universiti Malaysia Pahang.
- 4.1.7 Bilangan penulis bagi penerbitan adalah tidak melebihi lima (5) penulis. (Penerbitan yang mempunyai bilangan penulis melebihi jumlah yang ditetapkan perlulah mendapat kelulusan khas daripada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi).
- 4.1.8 Penerbitan perlulah menyatakan penghargaan (acknowledgement) kepada Geran Penyelidikan Pelajar Pasca Siswazah (Post Graduate Research Scheme). Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu (1) pemberi dana, ketua projek perlu menyatakan pemberi dana geran yang digunakan untuk penghargaan pertama. Tatacara penulisan penghargaan adalah berdasarkan kepada garis panduan geran penyelidikan.
- 4.1.9 Permohonan dan kelulusan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) mestilah dalam tempoh geran penyelidikan aktif pemohon.

4.2 PEMBIAYAAN

- 4.2.1 Pembiayaan yang diluluskan dengan menggunakan Geran Penyelidikan Pelajar Pasca Siswazah (*Post Graduate Research Scheme*) adalah samada bagi tujuan pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*).

4.3 KAEDAH PERMOHONAN

- 4.3.1 Permohonan perlu dibuat berdasarkan tatacara permohonan yang ditetapkan oleh UMP.
- 4.3.2 Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh jurnal diterbitkan.
- 4.3.3 Permohonan perlulah disokong oleh Ketua Projek dan disahkan oleh Dekan Fakulti/Kolej/Pusat.
- 4.3.4 Permohonan perlulah lengkap dengan dokumen lampiran seperti berikut:
- a. Surat Penerimaan (*Acceptance Letter*) daripada pihak penerbit jurnal dan mana-mana lampiran berkaitan yang menyatakan nama jurnal bagi kertas kerja yang dipohon;
 - b. Bukti jurnal tersebut diindeks dalam pangkalan data WoS (Q1/Q2/Q3/Q4)/Scopus (Q1);
 - c. Lampiran jurnal (*off-print*) (muka surat penuh);
 - d. Lampiran bukti peruntukan diluluskan;
 - e. Anggaran kos atau mana-mana lampiran berkaitan yang menyatakan yuran pembayaran jurnal;
 - f. Lampiran *Research Summary* IRIMS
- 4.3.5 Jabatan Penyelidikan & Inovasi berhak untuk tidak memproses permohonan sekiranya permohonan tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas atau dihantar lewat daripada tempoh yang telah ditetapkan.

4.4 TATACARA PERMOHONAN TUNTUTAN PEMBAYARAN

- 4.4.1 Pemohon perlulah mengemukakan permohonan tuntutan bayaran pelajar bagi pembayaran penerbitan artikel melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) kepada fakulti/pusat/kolej dalam tempoh satu (1) bulan selepas artikel diterbitkan.
- 4.4.2 Pemohon perlu mengemukakan dokumen tuntutan yang lengkap secara salinan keras (*hard copy*) seperti berikut:
- a. Borang Tuntutan Bayaran Pelajar Bagi Program/Aktiviti Yang Telah Dijalankan;
 - b. Surat Kelulusan Pembayaran Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*);
 - c. Bukti Artikel Telah Dimuatnaik Di UMPIR;
 - d. Inbois/Resit Rasmi (Salinan Asal) Yuran Pembayaran Penerbitan Artikel Melibatkan Kos Penerbitan (*Article Processing Charge*), Muka Hadapan (*Front Page*) dan Capaian Akses Terbuka (*Open Access*) (nama pemohon perlulah diletakkan sebagai penama resit);
 - e. Transaksi Pembayaran Bank

- 4.4.3 Segala dokumen tuntutan perlulah disokong oleh ketua projek dan disahkan oleh Dekan/ Fakulti/Kolej/Pusat/.
- 4.4.4 Pemohon perlu mematuhi segala peraturan dan pekeliling kewangan yang berkuatkuasa di UMP dan berkaitan.

Kelulusan Mesyuarat Senat Ke-194 Bil 4/2022 25 Mac 2022

**Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur**